

## ARAHAN OPERASI iSPEKS BIL. 7 TAHUN 2021

### PENYATA PEMUNGUT *CASH IN TRANSIT* (PP CIT)

---

Arahan Operasi ini disediakan susulan *deployment* iSPEKS versi 6.0.28 pada 25 Disember 2021 dan surat makluman *deployment* rujukan JANM.BKP.600-13/2/1jld.6 (4) bertarikh 27 Disember 2021 adalah berkaitan. Arahan Operasi ini bertujuan untuk menerangkan Penyata Pemungut *Cash in Transit* (PP CIT) dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan ke atas proses Jana Resit Perbendaharaan bagi transaksi PP CIT.

Sebarang pertanyaan berkenaan Arahan Operasi ini boleh dikemukakan kepada:

Unit iSPEKS (Modul Akaun Belum Terima)

Bahagian Khidmat Perunding (BKP)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

*Emel:*

[arman@anm.gov.my](mailto:arman@anm.gov.my)

[jamilah.arshad@anm.gov.my](mailto:jamilah.arshad@anm.gov.my)

Ruj. Fail: JANM.BKP.600-13/2/22 (26)

Tarikh: 27 Disember 2021

## ARAHAN OPERASI ISPEKS BIL. 7 TAHUN 2021

### PENYATA PEMUNGUT - *CASH IN TRANSIT* (PP CIT)

---

#### 1. PENGENALAN

Arahan operasi ini bertujuan untuk menerangkan Penyata Pemungut - *Cash in Transit* (PP CIT) dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan ke atas proses jana Resit Perbendaharaan yang melibatkan transaksi PP CIT.

#### 2. PENYATA PEMUNGUT *CASH IN TRANSIT* (PP CIT)

Terdapat dua (2) jenis PP CIT iaitu Penyata Pemungut Auto CIT dan Penyata Pemungut Manual CIT. Penjelasan lanjut berhubung kedua-dua jenis PP CIT tersebut adalah seperti berikut:

##### 2.1. Penyata Pemungut Auto CIT (PP Auto CIT)

- i. Penyata Pemungut Auto yang dibawa ke hadapan secara auto akan di *reverse and rebook* menjadi PP Auto CIT;
- ii. Sekiranya carian dibuat bagi nombor PP Auto CIT, skrin carian akan memaparkan dua lajur hasil carian iaitu PP Auto CIT dengan status 34 (Bawa Hadapan) dan status 7 (Lulus);
- iii. Hanya PP Auto CIT dengan status 7 boleh dicetak dan dibankkan sekiranya ianya belum sempat dibankkan dalam tahun 2021. Manakala tiada apa-apa tindakan yang perlu diambil bagi PP Auto CIT dengan status 34.
- iv. PTJ hendaklah mengemaskini maklumat slip bank bagi transaksi PP Auto-CIT yang telah dibankkan bagi membolehkan Resit Perbendaharaan dijana.
- v. Proses penjanaan Resit Perbendaharaan bagi PP CIT adalah sama seperti sedia ada.

## 2.2. Penyata Pemungut Manual CIT (PP Manual CIT)

- i. PP Manual CIT digunakan bagi mengakaunkan terimaan yang telah dikreditkan pada tahun 2021 tetapi tidak sempat diperakaunkan pada tahun tersebut;
- ii. PTJ perlu menjana PP Manual CIT bagi mengakaunkan terimaan tersebut dalam tempoh CIT seperti berikut:

AKAUN BELUM TERIMA > Terimaan > Jana Penyata Pemungut Manual / Auto > MANUAL – CIT
--

- iii. Proses penjanaan Resit Perbendaharaan bagi PP CIT adalah sama seperti sedia ada.

## 3. PENAMBAHBAIKAN KE ATAS PROSES JANA RESIT PERBENDAHARAAN BAGI TRANSAKSI PENYATA PEMUNGUT CASH IN TRANSIT (PP CIT)

- 3.1. Penambahbaikan ke atas proses jana Resit Perbendaharaan bagi transaksi PP CIT dilaksanakan bagi memastikan transaksi tersebut diakaunkan dengan tepat iaitu dalam tahun kewangan ianya dijana dan dicetak.
- 3.2. Contoh senario adalah seperti berikut:

<b>Tarikh Transaksi PP CIT</b>	<b>30.12.2021</b>
<b>Tarikh AN/BN Jana Resit Perbendaharaan</b>	<b>01.01.2022</b>
<b>Tahun perakaunan bagi Resit Perbendaharaan</b>	<b>Tahun 2022 dan bulan kewangan adalah bulan 1</b>

- 3.3. Amaun CIT akan dinyatakan pada Penyata Kewangan Tahun 2021 manakala Buku Tunai akan diambil kira dalam Penyata Kewangan Tahun 2022 (Januari 2022) iaitu setelah Resit Perbendaharaan dijana.
- 3.4. PP CIT yang di bawa secara auto ke tahun 2022 boleh dibatalkan oleh PTJ jika terdapat kesilapan pada PP CIT tersebut. Sekiranya terdapat PP CIT yang dibatalkan, PTJ juga perlu membatalkan resit terimaan yang berkaitan. Kedua-dua **proses pembatalan PP CIT dan Resit Terimaan yang berkaitan mesti dilakukan dalam tempoh CIT sahaja bagi memastikan kesemua laporan yang berkaitan adalah tepat.**

#### **4. TINDAKAN PERBENDAHARAAN NEGERI UNTUK PENETAPAN TEMPOH CASH IN TRANSIT (CIT)**

- 4.1 Bendahari Negeri **perlu melaksanakan *flag* secara manual di dalam skrin SAM sama ada mempunyai CIT (YA/TIDAK) selewat-lewatnya pada hari terakhir bekerja, iaitu pada 30 atau 31 Disember 2021.**
- 4.2 Tarikh akhir CIT akan ditetapkan (*default*) kepada 31 Januari 2022 sekiranya Perbendaharaan Negeri memilih YA. Tarikh tersebut boleh dipinda sekiranya terdapat tarikh lain yang telah ditetapkan sebagai tarikh akhir CIT.

#### **5. PENUTUP**

Penambahbaikan ke atas proses jana Resit Perbendaharaan bagi transaksi CIT telah dilaksanakan ke semua server Kerajaan Negeri pada 25 Disember 2021. Perbendaharaan Negeri disaran untuk melakukan proses Semakan Pengesahan Penutupan (Senarai Semak Aktiviti Penutupan Akaun Tahun 2021) secara kerap bagi memastikan proses penutupan akhir tahun berjalan lancar.